Sains Insani eISSN: [0127-7871]

Pendekatan Terapi Waswas Menurut Perspektif Sarjana Islam Di Era Ketamadunan Islam Abad Ke 8 Sehingga 19 Masihi

The Therapeutic Approach Of Waswas According To Scholars Of Islamic Civilizations In The 8th To 19th Century

Mohd Zahir Bin Abdul Rahman[1], Robiatul Adawiyah Mohd@Amat[2], Zul Azlin Razali[3] Mohd Zohdi Mohd Amin[4], Shah Rizul Izyan Zulkiply[5], & Ahmad Murshidi Mustapa[6]

[1, 2, 4, 5] *Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan*
[3] *Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan di Universiti Sains Islam Malaysia, Pandan Indah, Selangor*
[6] *Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu*

Progres Artikel
Diterima: 2 April 2018
Disemak: 5 September 2018
Diterbit: 30 November 2018

* Corresponding Author:
Mohd Zahir Abdul Rahman, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai Negeri Sembilan.
Email:mx_rahman@yahoo.com

Abstrak: Waswas atau kecelaruan obsesif-kompulsif (OCD) merupakan antara sepuluh beban penyakit utama di seluruh dunia yang diklasifikasikan oleh World Health Organization (WHO) (Murray, 1996). Sehubungan itu, kupasan terhadap isu waswas ini dari aspek rawatan dan penyelidikan banyak dirujuk kepada psikiatri moden dan klinikal psikologi. Walaubagaimanapun pendekatan rawatan waswas menurut sarjana Islam di era ketamadunan Islam kurang diketengahkan kepada masyarakat. Justeru, objektif kajian adalah untuk mengumpul dan mengenal pasti fokus rawatan waswas oleh sarjana Islam pada abad ke 8 sehingga abad 19 Masihi di bawah pemerintahan khilafah Islam berteraskan empat domain hidup iaitu biologi, psikologi, sosial dan spiritual. Manakala dari aspek metode, kajian mengaplikasi sepenuhnya kajian kualitatif berasaskan dokumentasi. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat sebanyak 10 terapi berasaskan biologi, 6 pendekatan psikologi, 3 pendekatan bersifat sosial dan 2 amalan beserta 8 doa sebagai pendekatan rawatan secara spiritual. Penemuan ini amat berharga kepada masyarakat Islam kerana keperluan dalam keseimbangan empat elemen ini penting bagi mengatasi masalah waswas dan tidak hanya tertumpu kepada pendekatan rawatan bersifat spiritual.

Kata kunci: terapi, rawatan, waswas, kecelaruan obsesif-kompulsif (OCD), sarjana Islam, tamadun Islam.

Abstract: Waswas or obsessive-compulsive disorder (OCD) is one of ten major illnesses worldwide are classified by the World Health Organization (WHO) (Murray, 1996). In this regard, the focus on this issue of treatment and research has been widely referred to modern psychiatry and clinical psychology. However, waswas treatment based on Islamic scholars in Islamic civilisation era less highlighted to the community. Thus, the objective of the study is to collect and identify the focus of waswas treatment by Islamic scholars in 8 century until 19 century under the reign of Caliph of Islam is based on four domains of life that is biological, psychological, social and spiritual. While, the methodological approach taken in this study is a qualitative research through documentation. The findings show that there are 10 biological-based therapies, 6 psychological approaches, 3 social approaches and 2 practices and 8 dua' as a spiritual approach. These findings are very very valuable to the Muslim community because the needs in this important balance four elements to overcome waswas and not just focused on spiritual approaches.

PUSAT PENGAJIAN TERAS
Centre of Core Studies
USIM Universiti Sains Islam Malaysia

Keywords: therapy, treatment, waswas, obsessive compulsive disorder (OCD), Islamic scholar, Islamic civilization

Pengenalan

Sejarah Tamadun Islam telah membuktikan, Islam amat menitikberatkan aspek bidang biologi, sosial, psikologi dan kerohanian. Dalam konteks psikologi, Islam merupakan sistem dalam mengatur emosi dan perasaan sehingga melahirkan perilaku yang baik. Atas dasar inilah, bidang psikologi dan psikiatri telah dikembangkan oleh sarjana Islam seperti al-Balkhi (849-934) al-Razi (865-925), Ibn Sina (980-1037), Ibn Zuhr (1094-1160) dan Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1292-1350). Berdasarkan ilmu psikologi, waswas membawa makna Obsessive Compulsive Disorder (OCD) (Abdul Latif, 2014). Manakala dari aspek bahasa Arab, ia dikenali sebagai *waswas al-Qahriy* [وسوس القهري]. Al-Raghib(2009) dalam kitabnya merujuk maksud waswas kepada lintasan hati yang jahat yang datang sekali sekala, suara yang halus dan bisikan yang samar-samar. Manakala istilah waswas yang digunakan oleh (Hans Wehr) dengan merujuk kepada bisikan jahat atau godaan syaitan yang membangkitkan keraguan yang menimbulkan rasa bersalah, perasaan cemas, ragu-ragu, perasaan tidak selesa, bimbang dan syak. Secara hakikatnya, waswas merupakan elemen yang normal bagi manusia. Sementara, menurut perspektif *Mufassirin* seperti, al-Qurtubi (2006), menjelaskan bahawa waswas merupakan ajakan syaitan kepada manusia untuk mentaatinya melalui bisikan yang tidak terdengar tetapi dapat difahami oleh hati. Dari aspek psikologi, waswas merangkumi beberapa aspek seperti aspek kebersihan dan perbuatan secara perlahan-lahan. Kesemua tindakan ini selalunya diikuti dengan kompulsif iaitu perbuatan yang dilakukan berulang kali dan menimbulkan ciri-ciri seperti cepat marah, mudah tersinggung dan pengurusan menjadi tidak terurus (Malaysian Mental Health Association). Nevid (2000), menambah, tingkah laku berulang (kompulsif) terbahagi kepada dua kategori iaitu ritual memeriksa dan ritual membersih. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah mengenal pasti empat domain hidup iaitu biologi, psikologi, sosial dan spiritual terhadap terapi waswas yang dicadangkan oleh para sarjana Islam era khalifah Islamiyyah abad ke 8 sehingga 19 Masihi. Oleh itu, kajian ini adalah signifikan bagi psikiatri, klinikal psikologi dan pengamal perubatan berteraskan Islam bagi merungkai kembali terapi waswas yang pernah dicadangkan oleh sarjana Islam terdahulu. Dalam masa yang sama, mampu menjadikan koleksi terapi waswas sebagai tambahan koleksi ilmu perubatan jiwa di Malaysia..

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif secara analisis kandungan berdasarkan pandangan sarjana Islam terpilih di era kegemilangan Islam abad ke 8 sehingga abad ke19 Masihi. Karya mereka ini dikaji dan dikeluarkan beberapa pandangan yang terarah kepada terapi waswas samada bersumberkan kitab berbentuk buku dan format pdf. Aplikasi atas talian turut diaplikasi sebagai pemudah cara. Beberapa kata kunci telah digunakan seperti *waswas*, *yuwaswis*, *muwaswis*, dan *al-wasawis*. Bagi merealisasikan kajian ini, penelitian terhadap kajian terhadap rawatan bagi waswas oleh sarjana Islam dikumpul dan dikemukakan kepada empat elemen domain hidup iaitu biologi, psikologi, sosial dan spiritual agar yang mudah difahami dan dipraktikan dalam kehidupan seharian.

Kajian Literatur

Karya sarjana Islam terdahulu menjadi asas kepada rujukan sarjana Islam pada zaman kini. Kemampuan dari aspek pengalaman rohani dan ilham yang dikurniakan Allah SWT kepada mereka dijadikan sumber rujukan selepas wafatnya Rasulullah SAW dan para sahabat. Justeru, kajian ini cuba untuk menggumpulkan sebahagian pandangan sarjana Islam terhadap rawatan bagi waswas. Berikut merupakan rumusan beberapa rawatan sarjana Islam terhadap waswas bermula pada abad ke 8 sehingga abad ke 19 di bawah pemerintahan khilafah Islam:

Jadual 1 Terapi Waswas Menurut Sarjana Islam

No	Sarjana Islam	Abad	Pendekatan Rawatan Waswas
1	Abu Sulaiman al-Darani (830M)	8	-Bergembira sekiranya merasai waswas dalam hati. -Jangan bersedih kerana sedih merupakan pencetus kepada waswas (Imam Nawawi, 2005), (Yahya, 2004), (Al-Bakri al-Dimyati, 1997).
2	Abu Zaid Al-Balkhi (850-934M)	8-9	-Terapi luaran dan terapi dalaman (Al-Balkhi, 2005). (Rizal, 2009). Terapi Luaran: -Mengelak daripada bersendirian

			-Melibatkan aktiviti berbentuk hobi dan rekreasi. -Mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Terapi Dalaman: -Terapi kognitif perilaku (CBT).
3	Ibn Hajar al-Haitami (965-1030M)	9-10	-Tidak menghiraukannya. -Sedar bahawa waswas itu daripada syaitan. -Terapkan dalam hati bahawa agama Islam itu mudah. -Belajar dengan tekun kerana kebiasanya orang waswas disebabkan kerana belum faham betul tentang ibadah yang dia lakukan. -Bacalah لاإله إلاالله -Membaca ta'awwuz (أعوذ بالله من الشيطان الرجيم) -Waswas hanya akan mendatangi orang yang diliputi kebodohan dan tidak faham, sehingga menjadi orang yang tidak punya kemampuan untuk membezakan. (al-Fatawa)
4	Imam al-Qushairiy (986- 1074 M)	9-10	-Bersungguh-sungguh mendapatkan rawatan. -Mengabaikan bisikan waswas yang jahat (al-Qushairiy, 1988).
5	Imam al-Ghazali (1058-1111M)	10-11	-Meninggalkan perkara-perkara dunia yang menjadi kesukaan hawa nafsunya yang merupakan perangkap syaitan. -Mengkaji secara mendalam penyebab terjadinya waswas dalam diri sama ada berunsur persekitaran atau dalam diri sendiri. Adapun penyebab persekitaran adalah apa-apa yang terdengar oleh telinga atau ternampak oleh mata."(al-Ghazali, 2004).
6	'Izz al-Din 'Abd al-Salam (1182-1262M)	11-12	-Meyakini bahawa menghindari waswas seolah-olah sedang melawan iblis, sehingga mendapat pahala berjihad, dan seolah-olah memerangi musuh Allah. (al-Fatawa).
7	Al-Imam Hasan Al-Syadzili (1197-1258M)		- Meletakkan tangan kanan di dada dan membaca tujuh kali ayat ini: سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْقُدُّوْس الْخَلَّاقِ الْفَعَّالِ Terjemahan: Maha Suci Allah yang Maha Berkuasa, yang Maha Suci (dari kekurangan), yang Maha Menciptakan (sekalian makhluk) dan yang Maha Melakukan (apa yang dikehendakiNya). -Diteruskan dengan membaca
			surah Fatir ayat 16-17 إِنْ يَّشَأْ يُذْهِبْكُمْ وَيَأْتِ بِخَلْقٍ جَدِيْدٍ وَمَا ذَلِكَ عَلَى اللهِ بِعَزِيْزٍ Terjemahan: Jika Dia kehendaki nescaya dibinasakanNya kamu (dengan sebab kekufuran kamu) dan didatangkan pula dengan makhluk-makhluk yang baharu. Dan yang demikian itu tidaklah sukar bagi Allah melakukannya. -Hendaklah dibaca sebelum takbiratul ihram (Nawawi al-Jawi, 2002).
8	Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1292-1350M)	12-13	-Mencadangkan terapi keseimbangan dalam mencegah dan merawat OCD seperti bertaubat, memperbanyakkan ibadah dan mengamalkan pembersihan jiwa (Tazkiyah al-Nafs) dan merasionalkan fikiran dengan mengantikan pemikiran negatif kepada pemikiran positif. (Rizal, 2009).
9	Jamal al-Din Muhammad 'Abd al-Rahman (1381M) (al-Wussabi, 2015).	13	-Memakai pakaian bersih, menjaga kebersihan rumah, memakai cincin 'aqiq, memakai kasut berwarna kuning, memanah, berenang dalam air, melihat kepada kebun-kebun yang menghijau, melihat air yang bergerak, melihat kepada al-Quran dan melihat kepada orang yang soleh. - Membaca doa pagi dan petang. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ، وَقَهْرِ الرِّجَالِ - Membaca sebanyak tujuh kali doa: شيئًا بهِ أشرِك لا ربِّي اللَّهُ Banyakkan membaca بسم الله الرحمن الرحيم ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم ولا ملجأ من الله إلا إليه وحسبنا الله ونعم الوكيل
10	Syah Waliyullah ad-Dehlawi (1703-1762M)	17	-Kepercayaan bahawa waswas merupakan gangguan yang jahat. -Waswas sebagai tanda kekuatan iman manusia. -Berusaha menyucikan hati kerana yang bersih tidak akan merasai sebarang kesan daripada bisikan waswas"(Dehlawi, 2015).
11	Bediuzzaman Said Nursi (1878-	18-19	-Membiarkan khayalan waswas itu tanpa dilayan. -Meyakini bahawa kecelaruan

1960M)	fikiran akan terjadi tanpa kehendak sendiri sepertimana kewujudan syaitan dan malaikat di sisi manusia, atau kewujudan orang jahat dan baik di sekeliling manusia begitu juga pemikiran baik dan buruk kerana tidak akan mendatangkan mudarat jika tidak disengajakan. -Mengamalkan mazhab ahli sunnah wal jamaah dengan menyakini bahawa perintah Allah s.w.t. adalah baik dan larangan Allah merupakan suatu benda yang buruk. -Meyakini Islam agama mudah, lebih afdhal istiqfar jika waswas timbul dari terus tertipu dan terpedaya dengan bisikannya. -Mengadu kepada Allah dengan menyebut lafaz isti'azah. (The Words, 2008).

Jadual 1 menunjukkan 11 sarjana Islam yang dipilih dalam kajian ini mengikut tahun kelahiran bermula abad ke 8 sehingga abad ke 19 Masihi. Mereka adalah Abu Sulaiman al-Darani, Abu Zaid Al-Balkhi, Ibn Hajar al-Haitami, al-Qushairiy, al-Ghazali, 'Izz al-Din 'Abd al-Salam, Hasan Al-Syadzili, Ibn Qayyim al-Jauziyyah, Jamal al-Din.

Jadual 2 Terapi waswas mengikut empat domain

Elemen	Terapi Waswas
Biologi	Memanah, berenang, memakai cincin aqiq, melihat kepada kebun-kebun hijau, melihat orang soleh, melihat air yang bergerak, melihat kepada al-Quran, memakai kasut berwarna kuning, meninggalkan penyebab kecelaruan berunsur duniawi, melakukan aktiviti rekreasi.
Psikologi	Gembira, tidak menghiraukan bisikan itu, pembersihan jiwa, pemikiran rasional, keyakinan diri, terapi kognitif perilaku (CBT)
Sosial	Belajar dengan tekun, mengelak dari bersendirian, mendapatkan perkhidmatan kaunseling,
Spiritual	Bertaubat, memperbanyakkan ibadah dan kumpulan doa terapi waswas 1. لاإله إلاالله 2. أعوذ بالله من الشيطان الرجيم 3. سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْقُدُّوْسِ الْخَلَّاقِ الْفَعَّالِ 7x 4. إِنْ يَّشَأْ يُذْهِبْكُمْ وَيَأْتِ بِخَلْقٍ جَدِيْدٍ وَمَا ذَلِكَ عَلَى اللهِ بِعَزِيْزٍ sambil memegang dada 5. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ، وَقَهْرِ الرِّجَالِ waktu pagi dan petang 6. اللَّهُ ربِّي لا أشرِك بهِ شيئًا 7x 7. بسم الله الرحمن الرحيم ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم ولا ملجأ من الله إلا إليه وحسبنا الله ونعم الوكيل. 8. استغفار

Analisis Dan Dapatan Kajian

Empat domain hidup iaitu biologi, psikologi, sosial dan spiritual menjadi asas kepada kesihatan fizikal dan mental (Mohamed Hatta, 2001) dan dikenali sebagai terapi holistik (Dadang Hawari, 1997). Perkembangan rawatan yang dicadangkan oleh para sarjana Islam dilihat memenuhi kriteria empat domain ini. Untuk rumusan yang lebih jelas, berikut merupakan rumusan terapi-terapi yang dicadangkan oleh para sarjana Islam dalam karya masing-masing.

Berdasarkan jadual 2, menunjukkan beberapa contoh rawatan waswas yang bersifat biologi, psikologi, sosial dan spiritual. Dari aspek rawatan bersifat biologi dan spiritual, dilihat mampu dilakukan secara bersendirian tanpa memerlukan bantuan orang lain. Jika dilihat kepada rawatan bersifat biologi, terdapat beberapa pendekatan yang pelik untuk di amalkan pada hari ini seperti memakai cincin 'aqiq, memakai kasut berwarna kuning. Sehingga ini, pengkaji belum menemui keterangan lanjut berhubung sebab atau kelebihan sesuatu pendekatan rawatan tersebut. Namun, berkenaan dengan warna kuning pengkaji mendapati beberapa laman sesawang yang berhubung dengan aura warna menjelaskan warna kuning terang lebih menunjukkan sifat suka untuk bergaul dan menceritakan idea-idea yang dimilikinya kepada orang lain di samping mereka tidak boleh hidup sendiri (MissMoza, 2015). Sementara dari aspek penggunaan cincin 'aqiq atau dalam Bahasa Inggeris disebut sebagai *agate* sebagai perubatan sebagaimana Hadith dalam riwayat Muslim menyebut cincin Rasulullah SAW itu diperbuat dari perak dan mata cincinya itu mata cincin Habasyi (Muslim). Menurut al-Nawawi, batu habasyi dalam Hadith ini merujuk kepada batu marjan atau batu 'aqiq (Muhyiddin Syarf al-Nawawi, 1392H). Walau bagaimanapun, kajian tidak menemui secara khusus pemakaian cincin aqiq dari aspek perubatan waswas melainkan hanya mencontohi Rasulullah SAW dari aspek amalan pemakaian cincin. Bagi rawatan yang bersifat psikologi dilihat memerlukan

kepada bantuan dan rujukan pakar seperti psikiatri, psikologi klinikal atau kaunselor untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi. Menariknya, terdapat kaedah rawatan psikologi yang sama dengan rawatan moden psikiatri hari ini iaitu terapi kognitif perilaku (CBT) yang merupakan salah satu psikoterapi yang terbukti berkesan oleh kajian-kajian lepas (Rania Awad dan Sara Ali, 2015; Avigdor Bonchek dan David Greenberg, 2011). Seterusnya, bagi aspek sosial, pengkaji mendapati sifat malu perlu dielakkan serta bergaul sesama manusia perlu diterapkan bagi mengelakkan dari bersendirian. Ini kerana, sekiranya kecelaruan ini membimbangkan namun sifat malu masih menebal untuk merujuk kepada yang lebih pakar atau enggan mendalami ilmu pengetahuan terhadap masalah yang dihadapi maka situasi berkemungkinan akan menjadi lebih serius.

Kesimpulan

Terdapat pelbagai pendekatan rawatan waswas yang dicadangkan oleh para sarjana Islam pada abad ke 8 sehingga 19 Masihi. Oleh itu, kajian lanjut perlu dilaksanakan samada terdapat pembuktian dari aspek saintifik atau dari sudut pengalaman. Di samping itu, perbincangan rawatan ini tidak hanya melibatkan unsur spiritual atau kerohanian seperti berdoa namun turut sama melibatkan unsur biologi, psikologi dan sosial. Rawatan yang diketengahkan ini diharap menjadi panduan dalam perubatan jiwa khususnya masyarakat Islam. Justeru, hasil daripada kajian ini telah memberikan beberapa maklumat penting tentang rawatan waswas di zaman kegemilangan Islam. Sehubungan dengan itu, diharapkan pengamal perubatan di institut perubatan moden dan pengamal perubatan berteraskan Islam lebih peka dalam mengadaptasi rawatan waswas dengan digabungkan empat elemen ini agar kesihatan masyarakat dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Rujukan

Abdul Latif Abdul Razak. (2014).*Obsessive-Compulsive Disorder: Its What and How from an Islamic Perspective*. Universiti Sultan Azlan Shah: Global Journal al-Thaqafah. Jun. Vol. 4. h. 7.

Abi ‘Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubi.(2006). *Al-Jami’ Li Ahkam al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah, Vol. 9. h. 175.

Abi Zakariya Yahya bin Sharf al-Nawawi al-Dimasyq. (2004). *Hilyah al-Abrar wa Syi’ar al-Akhyar*. Beirut: Dar Ibn

Abu al-Qasim ‘Abd al-Karim al-Hawazin al-Qushairiy. (1988). *Risalah al-Qushairiy fi ‘ilm al-Tasawwuf*. Beirut: Dar al-Khair. h. 84.

Abu Zaid al-Balkhi. (2005). *Masalih al-Abdan wa al-Anfus.* Kaherah.

Al-Bakri al-Dimyati. (1997). *I‘anah al-Talibin*. Beirut: Dar al-Fikr. Jilid 1. h.154.

Al-Fatawa al-Fiqhiyah al-Kubra. Tth. Mesir. Jil 1. h.149-150.

Al-Raqhib al-Asfahani. (2009). *Mufaradat al-Faz al-Quran*. Dar al-Qalam. h. 869.

Hans Wehr. (tth). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. ed 4.Urbana: Spoken Language Services Inc. h. 1070.

Hazm. h. 242-243.

Malaysian Mental Heath Association. *Obsesif Kompulsif (OCD)*, http://mmha.org.my/, http://mmha.org.my/obsesif-kompulsif-ocd/

Al-Ghazali. (2004). *Ihya’ ‘Ulum al-Din*. Al-Qaherah: Dar al- Hadith.

Ibn Qayyim al-Jauziyyah. tth. *Iqashah al-Lahfan Fi Masayid al-Syaitan*. Dar ‘Ilm al-Fawaid.

Nawawi, Muhyuddin Abi Zakaria Yahya bin Sharf al-Nawawi. (2005). *Al-Azkar Min Kalam Sayyid al-Abrar SAW*. Beirut: Dar al-Minhaj. h. 230-231.

Jamal al-Din Muhammad ‘Abd al-Rahman bin ‘Umar bin ‘Abdullah al-Hubaishi al-Wussabi. (2015). *al-Nurain Fi Islah al-Darain*. Terj. Mohd Zakir bin Majid. Subang Jaya: Dakwah Global Enterprise. h. 25.

Muhammad bin ‘Umar Nawawi al-Jawi. (2002). *Nihayah al-Zain fi Irsyad al-Mubtadiin* . Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah. h. 58.

Muhamed Hatta Saharom. (2008). Penyakit Psikiatri, Gangguan Jin dan Keganasan Keluarga.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 267.

Murray CL, Lopez AD. (1996). *The Global Burden of Disease: A Com- prehensive Assessment of Mortality and Disability fromDiseases, Injuries and Risk Factors in 1990 and Projected to 2020*. Cambridge: Harvard University Press.

Nevid J., Rathus, S.A dan Greene. (2000). B Abnnormal Psychology, 4th ed. New Jersey: Prentice Hall.

Rizal Abu Bakar. (2009). *Kaunseling daripada Perspektif Islam Apa, Mengapa dan Bagaimana*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor. h.74.

Syeikh Waliyullah. (2015). Hujjah al-Balighah. Beirut: Dar Jil. h. 282.

The Words. (2008). Turki: Sozlar Publication. h. 281-286.

Miss Moza. (2015). Warna Aura Beserta Artinya. http://www.pusatbukaaura.com/warna-aura-beserta-artinya.html

Muhyuddin Abi Zakaria Yahya bin Sharf al-Nawawi. (1392H). al-Minhaj Sharh Shahih Muslim. Beirut: Dar Ihya` at-Turats al-‘Arabi, cet ke-2. Juz, 14. h. 71.

Imam Muslim. Sahih Muslim. Kitab al-Libas wa al-Zinah. Bab Khatm al-Warq Fassuh Habasyiy. # 3914.

Dadang Hawari. (1997). *Al Qur'an Ilmu Kedokteran Jiwa dan Kesehatan Jiwa*.Yogyakarta: P.T. Dana Bhakti Primayasa. h. 27-28.

Avigdor Bonchek dan David Greenberg. (2011). Compulsive Prayer and its Management. Journal Of Clinical Psychology.

Rania Awad dan Sara Ali. (2015). Obsessional Disordersinal-Balkhi0s 9^{th} century treatise: Sustenance of the Body and Soul. Journal of Affective Disorders.